

RENCANA

Kerja sambilan beri peluang teruskan kerjaya sambil urus keluarga

► **SITI AISYAH NORDIN**
naisyah@sph.com.sg

SETELAH melahirkan anaknya yang keempat pada 2017, Cik Shyamira Samat, memutuskan berhenti mengajar untuk menjadi suri rumah sepenuh masa.

Sejak itu, guru sekolah menengah yang telah mengajar selama lebih 11 tahun itu seolah 'tidak selesa' di rumah dan merasakan ada sesuatu yang kurang dalam hidupnya apabila tidak dapat meneruskan minatnya mengajar.

Namun, pada masa yang sama, beliau tidak mahu mengorbankan masa dengan anak-anaknya sementara beliau mengejar kerjaya sepenuh masa.

Bak kata pepatah, 'pucuk dicita ulam mendatang', pada 2018 beliau menerima tawaran untuk bekerja sebagai pensyarah sambilan mengajar bahasa Melayu di Pusat Pengajian Bahasa, Universiti Nasional Singapura (NUS).

Kini empat tahun kemudian, Cik Shyamira gembira dengan keseimbangan antara minat, kerjaya serta masa dengan keluarga yang berjaya dicapainya melalui peluang tersebut.

"Idea untuk tidak bekerja itu seperti tak boleh saya terima pada masa itu. Saya masih minat mengajar dan merasakan seolah masih banyak lagi yang ingin saya capai untuk kepuasan diri sendiri, untuk mengejar cita-cita dan pada masa yang sama, terus mendampingi anak-anak.

"Untuk itu, peluang mengajar secara sambilan itu merupakan peluang bagi saya langkah memasuki alam pekerjaan semula, tetapi dengan fleksibiliti bagi kebaikan keluarga saya juga," ujarnya dalam temu ramah bersama *Berita Harian* (BH).

Sejak itu, beliau hanya akan menjalankan tugas sebagai pensyarah apabila anak-anaknya sedang bersekolah, dan beliau berpuas hati dengan aturan tersebut yang turut membolehkannya untuk menyumbang kepada pendapatan keluarga.

"Ia mencetuskan idea tentang cara terbaik bagi saya menguruskan masa bekerja dan juga keluarga," kata ibu kepada lima orang anak berusia antara tiga dan 12 tahun itu.

Menyentuh tentang dorongan untuk bekerja sambilan, Cik Shyamira berkata meskipun faktor gaji memainkan peranan, ramai yang lebih menghargai kebebasan serta fleksibiliti yang ditawarkan.

Selain berkhidmat sebagai pensyarah secara sambilan, Cik Shyamira juga kini menawarkan khidmat nasihat kewangan melalui TAQ Wealth Associates.

Katanya: "Semasa tempoh pascapandemik ini, ramai yang mula sedar bahawa mereka sebenarnya boleh menjalani kehidupan yang lebih baik dengan bekerja secara sambilan.

"Pekerjaan sambilan ini juga memberikan mereka ruang untuk melakukan pelbagai perkara lain, atau memainkan peranan berbeza dalam kehidupan harian mereka dan bukan hanya sebagai pekerja.

"Kebebasan untuk menguruskan masa berdasarkan komitmen sendiri merupakan tarikan paling kuat bagi saya. Saya percaya ini juga dirasakan ramai individu lain."




Foto ihsan SHYAMIRA SAMAT



CAPAI CITA-CITA, BEKERJA SAMBIL URUS KELUARGA: Cik Shyamira mendapat bekerja sambilan sebagai pensyarah memberikannya kebebasan serta ruang bagi mengejar minat dalam mengajar dan pada masa yang sama tidak mengorbankan masanya dengan keluarga. Beliau bersama ialah suami, Encik Shahid Noor'ain dan anak-anaknya. – Foto BH oleh NUR DIYANA TAHA